

Pupuk semangat **cinta alam sekitar**

200 peserta terlibat dalam program Pemuliharaan Pokok Bakau di Sungai Sepang Besar.

■ NURUL FIRDAUS KHAIRI

SEPANG - Seramai 200 peserta program Pemuliharaan Pokok Bakau di Sungai Sepang Besar, di sini turun padang membersihkan kawasan pokok bakau yang terjejas akibat pembuangan sampah di kawasan sungai tersebut.

Pelbagai agensi terlibat termasuk Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sepang, 24 zon Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Mukim Sepang.

Penghulu Mukim Sepang, Muhamad Azaazrin Alias berkata, Sungai Sepang Besar merupakan salah satu kawasan pertumbuhan dan pembiakan ekosistem bagi pokok bakau yang unik di Sepang dan merupakan laluan pintu masuk ke



Sebahagian peserta yang terlibat menyiapkan landskap di sepanjang laluan jambatan menghubungkan Selangor dengan Negeri Sembilan.

Selangor dari daerah Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurutnya, program itu juga melibatkan 43 pelajar Sekretariat

Rekreasi, Keceriaan, Kampus Hijau, Kolej Tun Dr Ismail, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Katanya, program tersebut se-

bagai salah satu cara menyemai dan memupuk semangat kecintaan pada alam sekitar dalam kalangan generasi muda agar menghargai,

menghormati dan memelihara ekosistem yang semakin terjejas dan tercemar.

"Kawasan ini merupakan kawasan penghubung di antara Negeri Sembilan dan Selangor, jadi ia perlu menjadi ikon bersih melalui aktiviti pemuliharaan dan pembersihan.

"Selain itu, tak dinafikan kawasan bakau di sini masih dalam keadaan baik...jadi kita tak mahu aktiviti pembuangan sampah terus dilakukan di kawasan sekitar," katanya kepada *Sinar Harian* sempena Program Pemuliharaan Pokok Bakau Sungai Sepang Besar 2016 di Perkarangan Balai Penghulu Mukim Sepang, Pekan Sepang, semalam.

Dalam pada itu, peserta turut didedahkan dengan maklumat jenis pokok bakau yang ada di sekitar sungai serta fungsi atau peranan pokok bakau tersebut terhadap ekosistem alam sekitar, di mana taklimat disampaikan Jabatan Perhutanan Selangor.